

Jepun-China perlu berbaik semula - Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 27 Jun - Jepun dan China diminta memulihkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara bagi memudahkan rantau Asia untuk muncul sebagai blok ekonomi terkuat di dunia.

Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, kedua-dua gergasi ekonomi Asia itu perlu mencontohi langkah yang diambil oleh negara Perancis dan Jerman yang berbaik-baik semula walaupun pernah berperang suatu masa dahulu.

"Kini, setelah Perancis dan Jerman berbaik-baik semula, kedua-dua negara tersebut membantu benua Eropah untuk muncul sebagai antara blok ekonomi terkuat di dunia," katanya.

Tunjang

Beliau menyatakan demikian semasa menyertai sesi pertama forum 'Pengurusan Cabaran Global Dalam Ketidaktentuan Dunia' di sini, hari ini.

Forum dua hari itu dianjurkan oleh Institut Pengurusan Malaysia (MIM).

Dr. Mahathir berkata, beliau yakin Asia bakal muncul sebagai blok ekonomi terkuat dunia sedikit masa lagi dengan kekuatan ekonomi China dan India sebagai tunjang utama setelah menjana pertumbuhan ekonomi yang tinggi sejak beberapa tahun lalu.

Kata beliau, Asia juga banyak menerima pelaburan asing dan melaksanakan pembangunan infrastruktur yang

telah mewujudkan ribuan peluang pekerjaan baru kepada penduduk rantau ini di samping mencipta peluang perniagaan.

Menurutnya, ekonomi di benua Eropah akan mencatatkan kelembapan pada masa hadapan ekoran penurunan tahap produktiviti di kalangan tenaga kerjanya akibat kebenaran cuti yang terlalu panjang oleh kebanyakan majikan.

Ditanya mengenai pertumbuhan sistem perbankan Islam pada masa ini, bekas perdana menteri itu berkata, populariti sistem perbankan itu telah meningkat selaras dengan kenaikan harga minyak selain pengenalan lebih banyak produk-produk baru.

Dr. Mahathir menambah, kenaikan harga minyak menyebabkan umat Islam terutamanya daripada rantau Timur Tengah memiliki banyak dana bersifat tunai yang ingin dilaburkan ke dalam sistem perbankan Islam yang menawarkan risiko yang rendah dan pulangan baik.

Sementara itu, dalam satu majlis berasingan, Dr. Mahathir turut menyaksikan, pelancaran buku tulisan *Dekad Kritikal* tulisan Presiden Kazakhstan, Nursultan Nazarbayev dalam versi Melayu.

Buku tersebut adalah hasil terjemahan oleh Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad keatas karya asal *The Critical Decade*.

Nazarbayev kini dalam rangka lawatan tiga hari ke Malaysia.



PRESIDEN Khazakhstan, Nursultan Nazarbayev bersama Tun Dr. Mahathir menunjukkan buku *Dekad Kritikal* selepas melancarkan buku berkenaan di Kuala Lumpur, semalam.